

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : ASAS PEDAGOGI
KOD KURSUS : BBH 20503
PROGRAM : 3 BBV
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014
MASA : 3 JAM
ARAHAN : A) KERTAS SOALAN INI
MENGANDUNGI TIGA (3)
BAHAGIAN, IAITU
BAHAGIAN A, BAHAGIAN
B DAN BAHAGIAN C
B) JAWAB **SEMUA** SOALAN
DIDALAM KERTAS
SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH EMPAT (24)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

Bermula dari soalan 1 hingga 10, sesuaikan jawapan dengan pernyataan yang diberikan.

- | | |
|------------------------|-----------------------------|
| A. Kesimpulan kognatif | B. Penutup |
| C. Pengayaan | D. Afektif |
| E. Nilai Murni | F. Pengukuhan |
| G. Penilaian semasa | H. Ulasan diri (refleksi) |
| I. Tugas susulan | J. Psikomotor. |

- | | |
|---|--------------------------|
| 1 Aktiviti tambahan yang dirancang oleh guru untuk pelajar-pelajarnya. | <input type="checkbox"/> |
| 2 Aktiviti susulan bagi murid-murid pandai. | <input type="checkbox"/> |
| 3 Catatan guru mengenai kekuatan dan kelemahan pengajarannya. | <input type="checkbox"/> |
| 4 Guru mengimbas semula isi-isi penting bagi tujuan pengukuhan berhubung dengan pelajaran atau kuliah yang lepas disampaikan. | <input type="checkbox"/> |
| 5 Aktiviti yang guru dapat menilai semula P & P nya samada berkesan atau sebaliknya. | <input type="checkbox"/> |
| 6 Proses bagi mengetahui pemahaman pelajar semasa proses pengajaran dijalankan. | <input type="checkbox"/> |
| 7 Komponen ketiga dalam membuat Persediaan Mengajar. | <input type="checkbox"/> |
| 8 Latihan latih-tubi susulan bagi murid-murid lemah | <input type="checkbox"/> |
| 9 Baik hati, syukur, rasional, berdikari. Kasih sayang, adil, berani, bersih, jujur. | <input type="checkbox"/> |
| 10 Aras Blooms yang mempunyai takrif sahshiah atau perangai individu | <input type="checkbox"/> |

BAHAGIAN B.

Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

1. Ciri utama strategi pemusatan pelajar ialah
 - A suasana kepimpinan adalah autokratik
 - B komunikasi berbentuk dua hala
 - C perkembangan kognitif murid
 - D guru memainkan peranan utama dalam proses pengajaran

2. Model-model Pengajaran Glaser, Sim, Taba dan Suchman membantu seseorang guru secara menyeluruh dalam
 - A menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran
 - B merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan
 - C mengesan masalah murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran
 - D menyediakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran

3. Kuliah adalah kaedah pengajaran yang klasik. Kebaikan kaedah ini ialah
 - A dapat menyampaikan isi pelajaran terkini kepada satu kelompok yang ramai dalam masa yang singkat
 - B dapat mengekalkan kaedah tradisional yang popular
 - C menghilangkan rasa jemu guru kalau hanya memerhati murid menjalankan aktiviti pembelajaran
 - D memberi kerehatan fikiran kepada murid dengan duduk dan mendengar apa yang disampaikan oleh guru

4. Persoalan yang harus difikirkan oleh guru semasa menentukan objektif pengajaran
 - A Apakah yang patut saya buat?
 - B Apakah alat bantu mengajar yang sesuai?
 - C Apakah yang saya hendak murid buat?
 - D Apakah yang patut saya ajar?

5. Cikgu Sumi menggunakan teknik penyelesaian masalah untuk mengajar 'membaik pulih lampu suluh'. Apakah langkah utama yang perlu dilakukan oleh cikgu Sumi?
 - A mencari maklumat
 - B membuat penilaian
 - C melakar peta minda
 - D mengenal pasti masalah

6. Bagaimanakah seseorang guru dapat menggunakan ruang pembelajaran untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran pembelajaran?
- A Menghiaskan bilik darjah supaya lebih menarik dan cantik
 - B Mempamerkan semua hasil kerja murid
 - C Menyimpan buku-buku latihan untuk semua mata pelajaran
 - D Mengendalikan aktiviti lakonan dan permainan
7. 'Berazam menerajui aplikasi sains dan teknologi untuk kemakmuran sejagat'. Apakah yang anda tahu mengenai pernyataan ini.
- A Falsafah Pendidikan Guru
 - B Polisi Kualiti Universiti Tun Husein Onn Malaysia
 - C Visi Universiti Tun Husein Onn Malaysia
 - D Misi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
8. Pernyataan manakah menjadi satu daripada prinsip dalam pemeringkatan isi pelajaran semasa menyediakan persediaan mengajar?
- A Dari kompleks ke mudah
 - B Dari jauh ke dekat
 - C Dari abstrak ke konkrit
 - D Dari fakta ke teori
9. " Pada akhir pengajaran ini, pelajar dapat melabelkan bahagian-bahagian pahat kayu dengan betul".
Apakah yang dimaksudkan situasi di dalam contoh objektif pengajaran dan pembelajaran di atas.
- A melabelkan alat
 - B dengan betul
 - C pada akhir pengajaran
 - D pahat kayu
10. Tujuan penggunaan penutup sosial ialah untuk ____.
- A mewujudkan perasaan pencapaian dan kejayaan murid
 - B merumuskan fakta-fakta penting
 - C menilai keberkesanan objektif pelajaran
 - D menarik perhatian murid terhadap isi pelajaran yang penting

11. Dibawah ini disenaraikan ciri-ciri seorang pendidik sepertimana yang termaktub di dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Guru, kecuali
- A pekerti mulia
 - B berpandangan progresif
 - C menyanjung warisan guru
 - D berpandangan saintifik
12. Manakah antara berikut bukan merupakan kemahiran menyoal?
- A Berhenti sebentar setiap kali menyoal
 - B Mengubah teknik menyoal apabila perlu
 - C Membentuk soalan yang jelas, tepat dan mudah difahami
 - D Menyoal murid yang mengangkat tangan
13. Sebagai seorang pemudah cara, bilakah harus seorang guru campur tangan semasa sesuatu aktiviti berjalan?
- A Murid mencatat sahaja dan tidak menyumbangkan idea
 - B Pergerakan dan suasana bising semasa aktiviti berjalan
 - C Murid menggunakan bahan yang tidak disenaraikan
 - D Perbincangan murid terpesong dari objektif aktiviti
14. Cikgu Syamilla ingin mendemostrasikan kepada murid-murid cara memukul bola tenis dengan betul. Menurut E.J. Simpson, aras domain psikomotor yang terlibat ialah
- A keaslian
 - B pengamatan
 - C tindak balas nyata dan kompleks
 - D set
15. Teknik mengajar yang digunakan dalam pengajaran mikro ialah
- A teknik permainan
 - B teknik lakonan
 - C teknik simulasi
 - D teknik bercerita

16. Nilai-nilai murni boleh dipupuk secara langsung melalui ____.
- A aktiviti kokurikulum
 - B penyerapan nilai-nilai murni dalam semua mata pelajaran
 - C pengajaran mata pelajaran pendidikan moral
 - D aktiviti budaya sekolah
17. Di antara yang berikut, yang manakah bukan aktiviti di peringkat pelaksanaan pengajaran guru?
- A membimbing pelajar-pelajar
 - B memotivasikan pelajar
 - C meneguhkan tingkah-laku positif
 - D menetapkan objektif-objektif pelajaran
18. Pilih jenis pembelajaran yang tidak tergolong dalam kurikulum aktiviti.
- A Pelajar membaca
 - B Pelajar mengira
 - C Pelajar mendengar penjelasan
 - D Pelajar berlakon
19. Antara yang berikut yang manakah bukan tergolong dalam kurikulum formal.
- A pelajaran di bilik darjah
 - B kursus sehari untuk kaum petani
 - C kuliah di universiti
 - D kuliah di maktab
20. Setiap guru hendaklah berusaha untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini boleh dilakukan secara tidak langsung melalui
- A pengajaran pendidikan moral
 - B ketika menutup satu-satu pelajaran
 - C penghayatan dan contoh teladan
 - D perancangan aktiviti-aktiviti sambilan

21. Apabila anda hendak memulakan suatu pelajaran, anda akan menggunakan set induksi yang berkesan kerana ia
- A membantu menimbulkan minat pelajar
 - B mengurangkan masalah disiplin
 - C melibatkan pelajar dalam pengajaran
 - D meningkatkan ingatan pelajar terhadap konsep
22. Pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah menekankan pada strategi-strategi berikut kecuali
- A strategi pemusatan pelajar
 - B strategi pemusatan bahan
 - C strategi pemusatan guru
 - D strategi pengabungjalinan dan penyerapan
23. Seorang guru hendaklah melakukan penulisan refleksi diri supaya dia dapat berusaha ke arah
- A peningkatan mutu pengajaran
 - B peningkatan mutu pembelajaran
 - C peningkatan mutu pengajaran dan pembelajaran
 - D penilaian yang lebih tepat.
24. Dibawah ini disenaraikan sebab-sebab mengapa disiplin dikenakan ke atas pelajar, kecuali
- A Memudahkan kerja dan tugas guru
 - B P & P berlaku dalam aman
 - C Pelajar rasa selamat
 - D Tugas dapat disiapkan tepat pada masanya
25. Teori Maslow menyatakan iaitu setiap individu menghendaki keperluan asas peribadi seperti berikut, kecuali:
- A Keselamatan
 - B Kerita
 - C kasih sayang
 - D penghargaan

26. Bilakah masanya menulis ruangan 'Refleksi diri' yang terdapat di dalam Persediaan Harian di Buku Persediaan Mengajar anda.
- A Di awal pengajaran
 - B Semasa P & P
 - C Selepas P & P
 - D Sebelum P & P
27. Bagi membina suatu objektif Pengajaran dan Pembelajaran untuk satu-satu sub topik matapelajaran, 3 unsur utama harus diambil perhatian, 3 unsur tersebut adalah:
- A Situasi, perubahan tingkah laku, tahap pencapaian.
 - B Situasi, peranan guru, kaedah
 - C Keadaan bilik darjah, tahap murid, penutup pengajaran
 - D Emosi guru, tahap tingkah laku dan keadaan murid.
28. Komunikasi merupakan satu proses
- A pemindahan maklumat
 - B hubungan antara individu
 - C penyampaian suatu maksud kepada orang lain
 - D pemberian arahan dari seorang ketua kepada orang bawahannya
29. Di dalam suatu proses pengajaran penentuan strategi pengajaran pembelajaran adalah perkara dalam komponen ____.
- A perancangan
 - B penyampaian
 - C penilaian
 - D maklum balas
30. Teknik mengajar yang sering digunakan dalam pengajaran dalam bilik kuliah ialah, kecuali
- A teknik lakonan
 - B teknik tunjuk cara
 - C teknik simulasi
 - D teknik bercerita

31. Pilih objektif tingkah laku yang lengkap.
- A Pada akhir pelajaran, murid-murid boleh menghayati tiga nilai murni
 - B Pada akhir pelajaran, murid-murid boleh menyenaraikan sekurang-kurangnya empat kawasan utama penanaman padi di Sabah tanpa merujuk sebarang nota
 - C Pada akhir pelajaran, murid dapat memahami cara menulis sajak.
 - D Pada akhir pelajaran, murid-murid dapat menikmati muzik
32. Definisi paling tepat berhubung dengan kurikulum ialah
- A semua pengalaman yang dicapai melalui penyertaan aktiviti-aktiviti persatuan dan kelab akademik di sekolah
 - B semua pengalaman pembelajaran sama ada akademik atau gerak kerja luar bilik darjah yang dirancang bagi menolong murid mencapai tujuan pendidikan
 - C semua mata pelajaran yang dirancang untuk murid-murid di sekolah
 - D semua pengalaman aktiviti luar bilik darjah yang dirancang untuk membantu murid-murid menepati matlamat pendidikan
33. Apabila anda hendak memulakan suatu pelajaran, anda hendaklah menggunakan pra-pengajaran yang terdiri daripada perkara-perkara berikut, kecuali
- A kebersihan diri dan bilik darjah
 - B kehadiran
 - C refleksi
 - D pemakluman
34. Pengajaran mikro dijalankan di maktab dengan tujuan membantu bakal guru memperoleh kemahiran pengajaran. Faedah penting yang diperolehi dari pengajaran mikro ialah ia
- A memerhati prestasi mereka sebagai guru dari rakaman
 - B membolehkan pelatih menjalani latihan amali dalam keadaan yang relaks
 - C membolehkan pelatih-pelatih mendapat kritikan-kritikan dari rakan sebaya
 - D memerhati kelemahan-kelemahan diri sendiri

35. Cikgu Norma baru sahaja tamat pengajaran. Seterusnya dia mengatakan kepada murid-muridnya 'Hari ini kamu telah mempelajari sifat-sifat mamalia. Antara sifat-sifatnya ialah berdarah panas, melahirkan anak, dan menyusu anak.'
Apakah jenis penutup yang digunakan oleh Cikgu Norma?
- A Kognitif
 - B Refleksi
 - C Sosial
 - D Afektif
36. Tujuan utama penggunaan kemahiran peneguhan ialah untuk
- A memperbaiki disiplin kelas
 - B menggalakkan murid belajar bersungguh-sungguh
 - C memupuk semangat keyakinan
 - D memperkukuhkan aktiviti pembelajaran
37. Penguasaan kemahiran pengajaran dengan memuaskan boleh dicapai melalui ____.
- A perancangan persediaan mengajar mengikut prinsip-prinsip kemahiran mengajar
 - B latihan semula dalam sesi pengajaran mikro
 - C sesi perbincangan di antara penyelia dengan guru pelatih
 - D latihan dalam sesi pengajaran mikro
38. Tujuan utama penggunaan papan tulis ialah
- A menarik perhatian murid
 - B memudahkan murid memahami konsep yang susah
 - C mempelbagaikan aktiviti pengajaran
 - D menonjolkan idea dengan kappr warna
39. Perancangan dalam proses pengajaran merangkumi aspek-aspek
- A objektif pelajaran, isi dan pengetahuan lepas
 - B objektif pelajaran, peneringkatan isi dan topik
 - C peneringkatan isi, penyediaan sumber dan langkah mengajar
 - D strategi, masa dan sumber

40. Teknik mengemukakan soalan yang baik ialah mengikut turutan seperti
- A sebut nama murid - hentian - sebut soalan
 - B sebut soalan - sebut nama murid – hentian
 - C sebut soalan - hentian - sebut nama murid
 - D hentian - sebut soalan - sebut nama murid
41. Yang manakah berikut bukan komponen utama daripada suatu proses pengajaran?
- A maklum balas
 - B penilaian
 - C perancangan
 - D penyampaian
42. Faedah utama yang diperolehi daripada sesi pengajaran mikro ialah ____.
- A mempelajari teknik mengajar dalam situasi yang mudah
 - B menguasai kemahiran-kemahiran mengajar
 - C memperbaiki kemahiran-kemahiran mengajar
 - D meningkat keyakinan mengajar
43. Di antara perkara-perkara berikut, yang manakah bukan perkara di bawah komponen penilaian?
- A objektif pengajaran
 - B penganalisan maklum balas
 - C pengubahsuaian
 - D penilaian
44. Berikut merupakan aktiviti komunikasi 'non-verbal' kecuali
- A memek muka
 - B angguk kepala
 - C bertutur
 - D isyarat bagus dengan ibu jari

45. Antara berikut yang manakah bukan tergolong dalam kurikulum bukan formal?
- A seminar
 - B mesyuarat
 - C bengkel
 - D kursus PTK
46. Di tahap 1 sekolah rendah, masalah disiplin yang kerap kali timbul adalah seperti berikut kecuali
- A menghisap rokok
 - B datang lambat
 - C memukul guru
 - D mencuri
 - E ponteng sekolah
47. Seseorang guru yang menjalankan hukuman boleh melakukan perkara-perkara berikut kecuali
- A mengkaji punca masalah itu
 - B menghukum murid di hadapan murid-murid lain agar kesilapan itu tidak berulang lagi
 - C elakkan daripada menggunakan kerja kelas sebagai denda
 - D elakkan hukuman yang berbentuk kejam
48. Falsafah Pendidikan Negara menekankan aspek-aspek berikut:
- I Memperkembangkan potensi individu
 - II Menggalakkan perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu
 - III Mewujudkan insan yang patuh kepada Tuhan
 - IV Menggalakkan perkembangan pengetahuan sahaja
 - V Menggalakkan perkembangan EQ dan IQ
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D III, IV dan V sahaja

49. Sumber pengajaran dan pembelajaran telah mencapai objektifnya sekiranya ia
- I menambahkan keberkesanan minat murid-murid
 - II menimbulkan minat murid-murid
 - III meringankan beban seorang guru
 - IV mendapatkan penglibatan murid-murid
- A I, II dan IV sahaja
B I dan II sahaja
C III dan IV sahaja
D I, II dan III sahaja
50. Semangat patriotisme diserapkan dalam sernua mata pelajaran sekolah rendah dengan tujuan melahirkan rakyat yang
- I bersemangat ingin berusaha untuk memperoleh kekayaan untuk diri dan keluarga
 - II bersemangat dan cintakan negara
 - III berbangga sebagai rakyat Malaysia
 - IV bersemangat kekitaan
 - V berdaya saing dalam k-ekonomi
- A I, II, III dan V sahaja
B II, III dan IV sahaja
C I, II dan V sahaja
D III dan IV sahaja.
51. Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang diperkenalkan pada tahun 1982 perlu disemak semula kerana
- I perubahan sosioekonomi yang pesat
 - II hendak mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara
 - III hendak melahirkan sebuah negara maju dengan wawasan baru
 - IV hendak memberi penekanan kepada perkembangan rohani
- A III dan IV sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I dan II sahaja
D I, II dan III sahaja.

52. Penutup kognitif meliputi ____.

- I aktiviti rumusan
- II aktiviti peneguhan
- III aktiviti susulan
- IV refleksi

- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D II dan III sahaja

53. Antara objektif-objektif Kemahiran Hidup adalah untuk membolehkan murid

- I mengalami dan mengamalkan langkah keselamatan ketika bekerja
- II memilih alatan serta menggunakannya dengan teknik yang betul
- III menyenggara dan membaiki kerosakan kecil
- IV membuat kesemua alatan yang diperlukan di rumah
- V mengurangkan kebergantungan pekerja asing

- A II, III dan IV sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D I,II dan V sahaja

54. Dalam budaya sekolah, aspek sosial merangkumi unsur-unsur berikut

- I. keangkuhan
- II. hormat-menghormati
- III. tanggungjawab
- IV kemesraan

- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

55. Cara menarik perhatian murid dalam set induksi ialah ____.

- I menggunakan teknik bercerita
- II menggunakan alat bantu mengajar
- III membangkitkan perasaan ingin tahu
- IV memberi teka-teki

- A I, II dan III sahaja
- B I dan II sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

56. Pernyataan berikut berkenaan dengan ciri-ciri teknik pengajaran

- I ia membolehkan murid-murid menguasai kemahiran lisan yang baik.
- II ia membolehkan murid-murid yang pandai menghuraikan masalah
- III ia menggalakkan soalan terbuka dikemukakan untuk mendapatkan banyak maklumat
- IV ia memberi peluang kepada murid-murid untuk bercakap

Teknik pengajaran yang dimaksudkan ialah

- A demonstrasi
- B simulasi
- C perbincangan
- D bermain

57. Ciri-ciri Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah yang dikekalkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ialah

- I kesepaduan ilmu pengetahuan
- II pemupukan nilai-nilai murni
- III pemusatan kepada pelajar
- IV penekanan kepada kecemerlangan akademik
- V penggunaan ujian sebagai motivasi prestasi akademik

- A I, III dan IV sahaja
- B I, II, dan III sahaja
- C II, III dan V sahaja
- D III, IV dan V sahaja

58. Bidang kognitif dalam Taksonomi Bloom mempunyai enam aras iaitu pengetahuan, kefahaman dan empat aras yang lain. Apakah aras tersebut?

- I. aplikasi dan analisis
- II. pengajaran dan pembelajaran
- III. aktiviti dan pembelajaran
- IV. sintesis dan penilaian

- A I dan II sahaja
- B I dan IV sahaja
- C II dan III sahaja
- D II dan IV sahaja

59. Cikgu Baizura menggunakan kaedah projek yang meliputi langkah-langkah berikut:

- I. membuat penilaian
- II. membuat perancangan
- III. melaksanakan
- IV. menetapkan objektif

Langkah manakah yang mengikut urutan bagi menjayakan kaedah projek tersebut?

- A II, IV, I & III
- B II, IV, II & I
- C IV, II, III & I
- D IV, II, I & III
- E IV dan III sahaja

60. Dalam tatacara menyelesaikan masalah disiplin, seseorang guru hendaklah mematuhi langkah-langkah berikut

- I. Setiap masalah hendaklah dikendalikan secara objektif
- II. Beri peluang kepada pelajar memberi penjelasan
- III. Pastikan suasana adalah tenang
- IV. Menghantar pelajar kepada guru besar terlebih dahulu

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

60. Dalam usaha mengatasi masalah-masalah komunikasi, seseorang guru hendaklah

- I. bersikap positif terhadap para murid
- II. menunjukkan penghormatan terhadap pendapat murid
- III. menggunakan bahasa yang sejajar dengan kebolehan murid
- IV. bersikap tegas dan sentiasa memperbaiki bahasa murid

- A III dan IV sahaja
- B II, III dan IV sahaja
- C I dan II sahaja
- D I, II dan III sahaja

61. Penggunaan papan kapur dianggap berkesan jika ia

- I. membantu pelajar memahami sesuatu fakta dan konsep
- II. menumpukan perhatian pelajar terhadap aktiviti pengajaran
- III. meningkatkan ingatan pelajar terhadap konsep yang disampaikan
- IV. membolehkan pelajar membantu guru membuat nota penting di atasnya

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

62. Konsep nilai dalam pendidikan boleh dihuraikan sebagai kriteria mengukur _____.

- I. kelakuan pelajar
- II. moral pelajar
- III. kepercayaan pelajar

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D I, II dan III sahaja

63. Dalam menjalankan tanggungjawab terhadap pendidikan, Tatasusila Profesion Perguruan telah menggariskan perkara-perkara berikut menjadi tanggungjawab utama dalam kerjayanya.

- I. Tanggung jawab terhadap pelajar
- II. Tanggungjawab terhadap ibubapa
- III. Tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara
- IV. Tanggungjawab terhadap raja dan pemerintah

- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D I, II, III dan IV di atas.

64. Objektif dalam menjalankan program latihan mengajar ialah

- I membina sahsiah positif
- II memberi pengalaman pahit kepada pelatih
- III memberi pengalaman bertanggungjawab terhadap gerak kerja luar
- IV menilai kebolehan pelatih

- A I dan II sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja.

65. Latihan mengajar akan mendapat keputusan gagal jira sekiranya

- I tidak menyiapkan rancangan harian selama latihan
- II tidak mendaftar atau melapor diri
- III melanggar peraturan institusi tempat latihan
- IV menjual rokok kepada pelajar

- A I sahaja
- B I dan II sahaja
- C I, II, III dan IV .
- D II, III dan IV sahaja

BAHAGIAN C (25 markah)

Baca petikan berikut dan jawab soalan seperti dinyatakan.

Anda adalah seorang guru yang mengajar matapelajaran Teknologi Kejuruteraan Jentera. Pada hari Rabu, bertarikh 22 April 2009, anda mempunyai dua masa untuk mengajar di kelas Tingkatan 4 Jentera 1 yang bermula jam 9.10 pagi. Di Sekolah Menengah Teknik, masa bagi setiap mata pelajaran adalah selama 40 minit sahaja. Jumlah pelajar dalam kelas tersebut seramai 33 orang.

Bagi kelas hari tersebut anda telah memilih tajuk Meloyang (Brazing): definisi dan proses. Diantara isi pelajaran yang akan anda sampaikan adalah seperti berikut.

“ Meloyang atau nama teknikalnya ialah brazing. Ia merupakan satu proses penyambungan logam yang sejenis atau berlainan jenis. Dalam proses ini logam asas akan dipanaskan melebihi suhu 800°F, tidak sampai ke takat lebur logam tersebut. Kemudian ia akan dibantu dengan pengisian logam penambah (filler-rod) dan bahan lakur. Kedua-dua bahan ini akan beroperasi di celah-celah antara sambungan yang dibuat. Logam penambah ini diperbuat daripada bahan pacalogam.

Meloyang merupakan satu proses lekatan, dimana logam yang hendak disambung hanya dipanaskan sahaja dan tidak dileburkan. Tidak seperti proses mengimpal (welding). Dalam proses ini hanya logam penambah sahaja yang melebur. Leburan logam penambah ini akan meresap bersama bahan lakur yang telah disapukan dibahagian sambungan. Disinilah akan berlaku proses resapan atau tarikan rerambut. Hasil lekatan ini adalah lebih teguh jika dibandingkan dengan proses pematerian. Proses ini juga boleh dilakukan ke atas logam-logam yang berlainan jenis.

Logam penambah yang digunakan dalam proses meloyang diperbuat daripada pancalogam tidak berbesi (non-ferrous metal). Bahan yang biasa digunakan adalah seperti 60% kuprum dan 40% zing.

Fungsi bahan lakur dalam proses meloyang adalah sangat penting. Ia berfungsi sebagai bahan untuk mencegah dari berlakunya proses pengaratan semasa pemanasan logam asas dilakukan. Selain itu ia juga mencegah dari bahan kimia memasuki ruang meloyang. Bahan lakur yang digunakan dalam proses ini berbentuk serbuk putih seperti tepung. Ia dikenali sebagai BOREX. “

Isi pelajaran ini belum tamat lagi. Tetapi untuk hari ini anda hanya menyampaikan isi tersebut sahaja. Isi pelajaran yang lain akan disampaikan dalam kelas berikutnya. Sebelum meninggalkan kelas pada hari itu, anda telah membuat penutupan kelas secara kognitif iaitu dengan mengemukakan tiga soalan berkaitan dengan isi yang telah disampaikan.

Soalan:

Dari petikan di atas, anda dikehendaki menulis dan menyediakan satu *perancangan mengajar harian* yang merangkumi semua maklumat penting dan tindakan yang wajar bagi seorang guru untuk menyampaikan isi pelajaran secara berkesan dan praktikal. Jawapan anda berpandukan kepada format penyediaan Rancangan Pengajaran Harian yang digunapakai di sekolah masakini.

RANCANGAN MENGAJAR HARIAN

Mata Pelajaran : _____ Tarikh: _____

Tingkatan : _____ Bil. Pelajar: _____

Tempat : _____ Masa : _____

TAJUK: _____

OBJEKTIF:

KONSEP:

BAHAN:

NILAI:

KEMAHIRAN:

SESI PENGAJARAN:

Masa	Isi Pelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Pelajar
	<i>Pra Pengajaran:</i>		
	<i>Set Induksi :</i>		
	<i>Penyampaian Isi:</i>		

TUGASAN / PENGUKUHAN:

REFLEKSI GURU:
